

1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab

(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Kitab Suci al-Quran

Dijadikan hadiah kepada orang kafir

Osman Ahmad, Kampung Alai Melaka, bertanya: Bolehkah atau tidak, orang yang beragama Islam memberi hadiah kitab suci al-Quran kepada orang yang bukan beragama Islam? Apakah pandangan tuan tentang "Tamil Muslim Union" memberi hadiah "al-Quran al-Karim" kepada baginda Queen dan kepada tuan gabenor Singapura baharu-baharu ini?

Jawab – Tidak boleh, kerana al-Quran itu adalah kitab suci yang hanya boleh dipegang oleh orang-orang suci jua sebagaimana firman Allah Ta'ala:

Innahu laqur'an karim. Fī kitāb maknūn. Lā yamassuhu Illā al-muṭahharūn. Tanzil min rabbi al-'alamīn. 77-80,
al-Wāqi'ah.

Ertinya: Sesungguhnya ini ialah quran yang mulia. Di dalam kitab yang terpelihara, tidak boleh disentuh akan dia melainkan orang yang suci. Ia turun dari Tuhan sekalian alam."

Sepanjang yang diberitakan, bahawa hadiah persembahan "Tamil Muslim Union" kepada baginda Queen dan tuan gabenor Singapura ialah kitab "tafsir Quran" dalam bahasa Inggeris bukannya kitab mushaf "al-Quran al-Karim".

Tetapi walau bagaimanapun menurut pandangan kita adalah menghadiahkan kitab "tafsir Quran" kepada orang yang bukan Islam tiada menguntungkan dan memberi faedah, berlainanlah kalau orang itu sedang mencari sesuatu agama hendak dipeluknya.

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Lebih berguna dan berfaedah kalau orang-orang Islam

menghadiahkan susunan masyarakat dan cara hidup menurut panduan al-Quran yang mereka amalkan hari-hari kepada orang-orang yang bukan Islam. Apalah faedah menghadiahkan teori Islam kepada orang-orang yang bukan Islam, padahal amalan orang-orang Islam dalam kehidupan hari-hari berlawanan dengan teori itu.

Sungguh malang kalau orang-orang Islam tidak mendapati di dalam agama mereka sesuatu yang boleh dihadiahkan kepada orang-orang yang bukan Islam melainkan teori-teori Islam!

Islam dan teori Islam bukanlah asing atau dagang kepada Eropah, kerana Islam telah pernah memerintah di sana delapan ratus tahun lamanya, tetapi kemudian orang-orang Eropah telah mengusir Islam dan menyembelih orang-orang Islam di Eropah dengan cara yang seburuk-buruk dan sebengis-bengisnya.

Semua negeri timur yang pernah dimasuki oleh Islam masih ada berjuta-juta orang Islam di dalamnya. Contohnya:

Indonesia, Tanah Melayu, India, Pakistan, Turki, Iran, dan lain-lain lagi, hatta negeri China pun tidak kurang dari lima puluh juta orang Islam ada di sana sekarang. Tetapi di Eropah yang sebahagian besar daripadanya pernah diperintah oleh Islam, hendak cari kadar sepuluh dua puluh ribu muslim daripada orang-orang Eropah sendiri memang tidak ada.

Bahkan pengetahuan orang-orang Eropah yang demikian luasnya berkenaan Islam telah merekajadikan sebesar-besarnya senjata

untuk memerangi dan menghancur leburkan perpaduan umat

Islam yang telah pun berkecaci-kecaci sebagaimana keadaan yang menyediakan pada hari ini!

*

Tanah Melayu – Indonesia

Abdul Muin Abdul Karim, Bagan Datuk Perak, bertanya:

Tidakkah lebih mudah mencapai kemerdekaan, sekiranya rakyat Melayu menyerahkan Tanah Melayu kepada Indonesia, kerana sebagaimana yang diketahui Tanah Melayu memang sebahagian dari Indonesia?

Jawab: Pada masa sekarang ini rakyat Malaya tidak berkuasa menyerahkan negeri ini kepada sesiapa jua pun, kerana negeri ini sudah terikat dengan perjanjian-perjanjian dengan British. Apabila British lepas tangan dari negeri ini baharulah rakyat negeri ini – kalau berkehendak – menyerahkannya kepada Indonesia atau menyatukan dia dengannya.

Menyerahkan negeri ini kepada Indonesia bukan suatu ikhtiar yang boleh memudahkan tercapainya kemerdekaan, malahan sebaliknya akan menambahkan soal siyasah negeri ini bertambah kusut, demikian juga soal perhubungan luar Indonesia akan bertambah-tambah rumit, yang sudah pun sedia rumit dengan adanya soal Irian Barat yang belum lagi selesai itu.

Kalau betul mahu merdeka taruhlah di dalam hati semangat merdeka dan bekerjalah kerana merdeka dan berazamlah akan mati dan hidup kerana kemerdekaan.

*

Nikah Syarifah

Muhammad Rais bin Taif, Jalan Sudin Kampung

Melayu Singapura bertanya: Adakah sah nikah seorang Syarifah keturunan Rasulullah dengan seorang lelaki Islam yang bukan keturunan Nabi padahal mereka sama-sama bersetuju?

Jawab: Sah kerana Islam tidak mengenal kelas-kelas

manusia yang beragama Islam. Semua orang Islam adalah setara dan orang-orang yang mempunyai kelebihan atau keistimewaan di antara mereka ialah orang yang taqwa. Sebagaimana firman Allah Azza wa jalla: “*Inna akramakum ‘indallāh atqakum.*” Kelas-kelas bertinggi rendah telah dihancurkan oleh junjungan kita pula dengan sabdanya yang bermaksud: “tidak ada kelebihan bagi seseorang Arab atas seseorang ajam melainkan dengan taqwa.”

Benar, ada hadis saih yang menerangkan bahawa “keluarga Nabi” itu haram menerima sedekah (zakat) tetapi ketentuan ini tidak harus bagi seseorang pun menambahnya dengan ketentuan-ketentuan yang lain pula. Lagipun “keluarga Nabi” yang tersebut di dalam hadis itu ialah “Banī Hāshim” dan “Banī Al-Muṭālib” bukan semata-mata keturunan Fātimah!

Kesimpulannya tidak ada nasab dari Quran dan Sunnah yang mengiktiraf soal “kufu” di dalam nasab keturunan. Bahkan al-Hafiz al-Asqalānī di dalam syarah al-Bukhārī telah menegaskan soal ini dengan lebih jelas katanya:

“*Lam yuthibtu fī ‘itibār al-kafā’ah fī al-nasab ḥadīth.*” yakni, “tidak ada sesuatu hadis pun yang sabit sahnya tentang mengiktiraf perkara “kufu” di dalam nasab keturunan.”

*

Bentuk Pemerintahan Islam

Abdul Nasir bin Daud, Kubang Pasu, Kelantan, bertanya:

Apakah bentuk pemerintahan yang dikehendaki dengan sebenar-benarnya dalam Islam? Baharu-baharu ini di dalam majalah “*Ruz al-Yūsuf*” yang terbit di Mesir, ada seorang penulis berkata: “Orang-orang yang berkehendakkan pemerintahan beraja adalah kafir.” Betulkah begitu?

Jawab: Bentuknya ialah demokrasi keTuhanan (Teo Demokrasi). Islam bukanlah bercorak

demokrasi seperti barat, bukan pula bukan pula demokrasinya secara Rusia, dan tidak pula ia diktator seperti negara Jerman, tetapi bentuk pemerintahan Islam ialah: "Dari rakyat oleh rakyat kerana Allah." Itulah sebabnya dikatakan bahawa demokrasi Islam itu "demokrasi keTuhanan" yakni pemerintahan yang ditadbirkan oleh orang ramai menurut kehendak Tuhan.

Islam tidak kenal susunan pemerintahan beraja, yakni pemerintahan yang dikuasai oleh sesuatu keluarga atau golongan yang tertentu dan menjadi hak yang dipusakai turun-temurun.

Tiap-tiap pemerintahan itu sudah semestinya mempunyai ketua, dan menurut Islam tiada salah ketua itu bergelar raja atau presiden, asalkan sahaja hak menjadi ketua itu tidak dijadikan seperti harta pusaka yang diwarisi oleh keturunannya atau anak cucunya; dan asalkan pemerintahan itu menurut kehendak Allah Azza wa jalla.

Tetapi sungguhpun begitu, Islam ada lebih suka dan gemar bahawa ketua pemerintahan itu bergelar "khalifah" iaitu suatu perkataan yang memberi erti bahawa ia itu menjadi pengganti Tuhan di atas muka bumi ini untuk menjalankan perintah-perintahnya dan mengimarahkan alam wujud ini, sebagaimana firman Allah Ta'ala: "*wa yaj'alakum khulafa' al-ard*" – 62, al-Naml (dan dijadikan-Nya kamu khalifah-khalifah memerintah di bumi), dan beberapa ayat lagi yang maksudnya serupa itu.

*

Mengkafirkhan Orang

Ahmad Musa, Batu Road, Kuala Lumpur bertanya:

Apa hukumnya seseorang Islam mengkafirkhan saudaranya seorang Islam yang lain?

Jawab: Mengkafirkhan seseorang itu bukanlah suatu perkara yang kecil. Seseorang yang telah mengaku Islam tidak boleh dikafirkhan melainkan kalau ia telah berterus terang

ingkar kepada al-Quran, kepada Nabi (SAW), ingkar kepada salah satu hukum Islam yang terang tersebut di dalam agama-agama menyembah berhala, menyembah batu, syaitan dan lain-lainnya yang terang dan nyata kekufurannya.

Menurut faham kita bahawa orang-orang Islam bersalahan faham di dalam masalah agama, sekalipun di dalam masalah iktikad umpamanya maka ia tidak boleh dikafirkhan. Pendek kata janganlah mudah mengkafirkhan seseorang yang bersalah-salahan faham dalam masalah agama, walau sekalipun besar kesalahannya.

Perbuatan mengkafirkhan itu besar sangat bahaya kerana jika tidak benar orang yang dikafirkhan itu kafir, maka kafirnya itu akan terpulang kepada yang mengkafirkhan tadi, seperti sabda Rasulullah (SAW) yang maksudnya: "seseorang apabila mengkafirkhan saudaranya maka kembaliilah kekufurannya kepada salah seorang daripada keduanya." – hadis sahih riwayat Bukhārī.

Sabda Rasulullah (SAW) lagi: "sesiapa berkata kepada saudaranya "hai kafir" maka kembaliilah kekufurannya itu kepada salah seorang daripada keduanya, kalau memang saudaranya itu sebagaimana yang dikatakannya (benarlah ia), tetapi kalau tidak maka kembaliilah kekufurannya itu kepadanya (sendiri) – hadis sahih riwayat Muslim.

Sabdanya lagi (maksudnya): "Barang siapa mengkafirkhan seseorang atau ia panggil dia – "hai musuh Allah!" pada hal ia tidak begitu, maka baliklah (panggilannya) itu kepadanya sendiri." – hadis sahih riwayat Muslim.

Daripada hadis-hadis yang tersebut di atas tadi, nyatalah bahawa mengkafirkhan orang itu adalah suatu tegahan besar kerana orang yang dikafirkhan itu kalau tidak benar kafir pada pandangan Allah maka kekufurannya akan balik kepada yang mengkafirkannya - bukan pada diri orang itu. Oleh itu jangan mudah kita mengeluarkan kata-kata itu kerana kata-kata itu berbisa - kalau orang tidak kena maka kita sendiri yang terkena badinya.